

**TEKS UCAPAN**  
**BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN**  
**NAIB CANSELOR**  
**UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS**  
**SEMPENA**  
**MAJLIS TAUTAN MESRA LPU BERSAMA PENGURUSAN**  
**UniMAP**  
**PADA 21 MEI 2013 (SELASA) JAM 8.00 MALAM**  
**DI DEWAN KAPITOL UniMAP, KANGAR PERLIS**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Satu Malaysia

**SALUTASI**

**Yang Berbahagia Dato' Prof. Emeritus Ir. Dr. Zainai bin Mohamed**  
*Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU) UniMAP*

**Yang Berbahagia Ahli – Ahli Lembaga Pengarah Universiti,**

**Yang Berbahagia Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal,** Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniMAP

**Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Fo'ad Sakdan,** Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UniMAP

Pegawai-Pegawai Utama Universiti.

Penolong-Penolong Naib Canselor.

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan.

Seterusnya para hadirin yang dihormati sekalian.

### **KATA ALUAN**

1. Segala puji-pujian dan kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana hanya dengan keizinanNya, dapat kita bersama-sama pada malam yang berbahagia ini. Ucapan terima kasih dititipkan buat Yang Berbahagia ***Dato' Prof. Emeritus Ir. Dr. Zainai bin Mohamed Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU) UniMAP dan ahli-ahli LPU yang lain kerana sudi melapangkan masa untuk bersama-sama kita pada Majlis Tautan Mesra LPU Bersama Pengurusan UniMAP yang diadakan buat julung kalinya pada malam yang penuh barakah ini.***
2. Walaupun sibuk dengan pelbagai komitmen lain, kehadiran Dato', Tuan dan Puan ke majlis ini telah membuktikan komitmen jitu Dato', Tuan dan Puan selaku peneraju utama tadbir urus universiti ini. Semoga keberadaan Dato', Tuan dan Puan dalam majlis ini akan memberikan ruang dan peluang kepada Ahli-ahli LPU untuk lebih mengenali ketua-ketua Jabatan UniMAP yang baru dilantik untuk tempoh 2 tahun akan datang.
3. Dikesempatan ini, saya juga ingin sekali lagi mengucapkan tahniah kepada semua Ketua Jabatan UniMAP yang telah dilantik bagi tempoh lantikan bermula 1 Mac 2013 hingga 28 Februari 2015.
4. Pelbagai agenda perlu kita laksanakan selaras dengan hasrat kita yang ingin memacu kegemilangan UniMAP sehingga ke persada antarabangsa. Oleh itu, buat semua ketua jabatan yang hadir pada malam ini, ucapan terima kasih dititipkan atas komitmen yang ditunjukkan dan saya menyeru kepada semua ketua jabatan agar dapat memanfaatkan peluang yang ada ini untuk beramah mesra dengan Ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti.

5. Mereka inilah yang menjadi payung dalam merencanakan pembangunan universiti menuju era kegemilangan baik di dalam negara mahu pun sehingga ke peringkat antarabangsa. Bukanlah suatu perkara yang mudah untuk menghimpunkan kita semua dalam satu majlis sebegini. Oleh itu, jadikan majlis ini sebagai satu landasan untuk saling kenal mengenali dan bertukar pandangan bagi memajukan UniMAP.
  
6. Saya yakin dengan adanya gandingan kerjasama erat di antara kedua-dua pihak ini akan melonjakkan reputasi UniMAP sebagai sebuah universiti yang dihormati dan disegani oleh pihak luar. Malah hasrat kita untuk menjadi 500 universiti terbaik dunia menjelang tahun 2020, In Sha Allah akan terlaksana.

#### **PELANTIKAN KETUA JABATAN UniMAP**

Dato', Tuan, Puan yang saya hormati sekalian,

7. Saya juga percaya dengan pelantikan **43 orang** ketua Jabatan baru yang akan menerajui Pusat Tanggungjawab (PTj) ini mampu dilaksanakan dengan cemerlang oleh mereka. Ini adalah kerana barisan ketua jabatan yang terpilih ini diyakini mempunyai kebolehan, pengalaman dan pengetahuan yang diperlukan untuk mendokong aspirasi dan menjalankan amanah Jabatan yang bakal diterajui oleh mereka. Ini termasuklah barisan ketua jabatan yang terdiri daripada muka baharu iaitu seramai 8 orang untuk menunjukkan kebolehan mengurus tadbir Jabatan yang dinaunginya.
  
8. Untuk makluman ahli LPU sekalian, pada 4 April lalu, telah pun diadakan Majlis Lantikan Ketua Jabatan UniMAP. Pada majlis

tersebut, saya telahpun menggariskan beberapa inisiatif yang perlu dilaksanakan oleh ketua jabatan UniMAP bagi memastikan kecemerlangan universiti ini. Saya namakan ianya sebagai **Program Panji Kemegahan** atau ringkasnya **PanjiMega** sempena dengan ucapan saya yang diadakan pada awal tahun lalu bertemakan ‘Amalan Bertindak, Hasil Berimpak’. Program PanjiMega ini merupakan projek merentas pusat pengajian dan jabatan.

9. Maknanya setiap pelaksanaan program dan projek dianggotai, difikirkan, dihasilkan dan digerakkan oleh staf daripada pelbagai pusat pengajian dan jabatan. In sha Allah inisiatif-inisiatif yang dilaksana di bawah panji-panji ini akan memberikan impak yang tinggi kepada reputasi universiti dalam pelbagai aspek. Antaranya, ***aspek pengantarabangsaan, ekosistem kampus, penyelidikan, keunggulan akademik, penciptaan kekayaan, tadbir urus dan siswazah berbakat istimewa yang berasaskan teras strategik yang dirumuskan dalam pelan strategik 2011-2015.***

#### **International Invention, Innovation and Technology Exhibition 2013 (ITEX'13)**

10. Ianya telahpun terbukti bila mana UniMAP telah muncul sebagai johan keseluruhan pada International Invention, Innovation and Technology Exhibition 2013 (ITEX'13) yang diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) bermula bermula 9 hingga 11 Mei 2013 lalu. Penyelidik kita berjaya meraih 32 pingat emas, 26 perak dan satu gangsa dari 60 produk yang dihantar.

11. Malah dengan pencapaian itu telah melayakkan kita meraih anugerah Patron buat kali kedua selepas meraihnya pada tahun 2011. Lebih manis lagi apabila salah seorang penyelidik kita iaitu Dr. Hakimah Osman dari Pusat Pengajian Kejuruteraan (PPK) Bahan melalui produknya Hypo-G: A New Generation of Natural Rubber Latex Glove meraih pingat emas pada ITEX'13 turut menerima anugerah The 2013 Asia Cup yang merupakan antara anugerah tertinggi ITEX2013 Best Inventions.
  
12. Alhamdulillah, produk saya juga iaitu Anti Corrosion Coating: New Advanced Technology Approach turut menerima anugerah TAITRA dari negara Taiwan. ITEX'13 sebenarnya telah melakarkan kejayaan gemilang kepada UniMAP kerana kita juga telah meraih seratus peratus emas bagi sepuluh produk penyelidikan untuk Asian Young Inventors for Young Inventors (AYIE 2013) yang melibatkan pelajar UniMAP.
  
13. Selain itu, UniMAP juga melalui EYReC turut menghantar sepuluh penyertaan pada International Exhibition of Young Inventors (IEYI 2013) yang julung kali diadakan di Malaysia dan berjaya meraih tiga emas dan enam perak.
  
14. Tiga emas UniMAP masing-masing disumbangkan oleh Sekolah Kebangsaan Sena, Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Sheikh Ahmad dan Sekolah Menengah Tuanku Syed Putra. AYIE 2013 and IEYI 2013 telah disertai oleh penyelidik muda yang berusia 20 tahun dan ke bawah dari pelbagai institusi dalam dan luar negara.

15. Saya sebenarnya berasa sangat teruja dengan pencapaian yang diraih oleh penyelidik UniMAP. Hal ini kerana pencapaian yang diraih ini sebenarnya menggambarkan bahawa pelaksanaan inisiatif yang dianjurkan oleh UniMAP telah menunjukkan hasilnya. Oleh itu, saya berharap agar kecemerlangan penyelidikan yang kita raih ini akan menjadi pembakar semangat untuk kita memantapkan lagi pencapaian kita dalam bidang-bidang lain pula. In Sha Allah.

### **PENUTUP**

16. Rasanya tidak perlu untuk saya berucap dengan lebih panjang lagi. Saya yakin kita semua sedang menanti untuk mendengar amanat yang ingin disampaikan oleh ***Dato' Prof. Emeritus Ir. Dr. Zainai bin Mohamed Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU) UniMAP kepada kita.***

17. **Sebelum itu, izinkan saya untuk memperkenalkan ketua Jabatan UniMAP kepada Ahli-ahli LPU.**

1. Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin bin Hussin  
Naib Canselor
2. Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal  
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
3. Prof. Madya Dr. Mohd Fo'ad Sakdan  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
4. En. Zuber Hj. Mohamad  
Pemangku Pendaftar
5. Pn. Saodah Hassan  
Bendahari

6. Pn. Mazmin Mat Akhir  
Pemangku Ketua Pustakawan
7. En. Razli Ahmad  
Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni
8. Prof. Madya Abdul Aziz Mahmuddin  
Penolong Naib Canselor (Pembangunan Korporat dan  
Pengurusan Kualiti)
9. Prof. Dr. Zuraidah Mohd. Zain  
Penolong Naib Canselor (Komunikasi Korporat)
10. Prof. Ir. Dr. Rezuwan Kamaruddin  
Dekan Pengurusan Akademik
11. Prof. Dr. Syed Alwee Aljunid Syed Junid  
Dekan  
Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi
12. Dr. Rizalafande Che Ismail  
Dekan  
Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik
13. Prof. Dr. R Badlishah Ahmad  
Dekan  
Pusat Pengajian Kejuruteraan Komputer & Perhubungan
14. Dr. Mohd. Fareq Abd. Malek  
Dekan  
Pusat Pengajian Kejuruteraan Sistem Elektrik
15. Dr. Khairul Rafezi Ahmad  
Dekan  
Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan
16. Prof. Dr. Abdul Hamid Adom  
Dekan  
Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik
17. Dr. Khairul Azwan Ismail  
Dekan  
Pusat Pengajian Kejuruteraan Pembuatan
18. Dr. Muhammad Syarhabil Ahmad  
Dekan  
Pusat Pengajian Kejuruteraan Bioproses

19. Prof. Madya Dr. Khairul Nizar Ismail  
Dekan  
Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar
20. Prof. Madya Dr. Hazry Desa  
Dekan  
Pusat Pengajian Inovasi Perniagaan dan Teknousahawan
21. Prof. Dr. Mohd. Yusoff Mashor  
Dekan  
Pusat Pengajian Siswazah
22. Dr. Huzili Hussin  
Dekan  
Pusat Teknologi Komunikasi dan Pembangunan Insan
23. Prof. Madya Che Mohd. Ruzaidi Ghazali  
Dekan  
Pusat Kejuruteraan
24. Prof. Madya Dr. Abd. Wahab Jusoh  
Dekan  
Institut Matematik Kejuruteraan
25. Prof. Dr. Uda Hashim  
Pengarah  
Institut Kejuruteraan Nano Elektronik
26. Prof. Madya Dr. Mahmud Nor Jaafar  
Pengarah  
Institut Agroteknologi Lestari
27. Prof. Dr. Harshita Aini Haroon  
Pengarah  
Pusat Bahasa Antarabangsa
28. Prof. Madya Dr. Mohd. Rozailan Mamat @ Ibrahim  
Pengarah  
Pusat Kerjasama Industri
29. Pn. Nor Azizah Hitam  
Pengarah  
Pusat Hal Ehwal Antarabangsa
30. Prof. Madya Mazelan Abdul Hamid  
Pengarah  
Jabatan Pembangunan



31. En. Nor Azmi Hj. Johari  
Pengarah  
Jabatan Keselamatan
32. En. Nasrudin bin Abd. Shukor  
Pengarah  
Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi
33. En. Afizal Abu Othman  
Pengarah  
Pusat Sukan/Pengetua Kolej-kolej Kediaman
34. Prof. Madya Dr. Mohammad Iqbal Omar  
Pengarah  
Pusat Kesihatan
35. Prof. Madya Dr. Zaliman Sauli  
Pengarah  
Pusat Ko-kurikulum
36. Prof. Dato' Wira Dr. Mohd. Salleh Hj. Din  
Pengarah  
Pusat Pembangunan Keusahawanan, Pengkomersilan dan  
Pengurusan Harta Intelekt
37. Ustaz Hassan Arshad  
Pengarah  
Pusat Islam
38. Prof. Dr. Rosnah Ismail  
Pengarah  
Pusat Kaunseling
39. Prof. Madya Dr. Idris Md. Noor  
Pengarah  
Institut Kajian Strategik, Kepimpinan dan Komuniti
40. Prof. Datin Paduka Datuk Dr. Ramlah Adam  
Pengarah  
Pusat Kajian Institusi Raja Malaysia
41. <belum diisi>  
Pengarah  
Unit Kebudayaan dan Rekreasi
42. Dr. Mohd. Mizan Mohammad Aslam  
Pengarah  
Unit Pembangunan Lestari

43. <belum diisi>  
Pengarah  
Unit Pengajaran dan Pembelajaran
44. Prof. Dr. Asiah Sarji  
Pengarah  
Unit Penerbitan
45. Ir. Dr. Anuar Mat Safar  
Pengarah  
Unit Kelayakan dan Akreditasi
46. Prof. Madya Lt. Kol. (B) Azuddin Bahari  
Pengarah  
Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
47. Encik Noor Hasnizam Hanafi  
Pengarah  
Unit Penyelarasan Program Diploma
48. <Belum Diisi>  
Pengarah  
Unit Multimedia
49. Prof. Madya Dr. Zainab Hamzah  
Pengarah  
Unit Media
50. Prof. Madya Dr. Othman Hashim  
Pengarah  
Unit Audit Dalam
51. Puan Husna 'Afifi Mohd. Yusoff @ Mat Jusoh  
Pengarah  
UniMAP.fm
52. Pn. Ummi Noor Nazahiah Abdullah  
Pengetua Kolej-kolej Kediaman
53. Dr. Midhat Nabil Ahmad Salimi  
Pengetua Kolej-kolej Kediaman

- 18.** Akhir kata, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Pendaftar selaku sekretariat yang diamanahkan tanggungjawab untuk menguruskan majlis yang julung kali diadakan ini. Alhamdulillah dan tahniah kerana majlis ini berjalan seperti yang direncanakan. Rasanya tidak lengkap sekiranya ucapan saya ini tidak diakhiri dengan pantun. Oleh itu, terimalah serangkap pantun daripada saya buat sekalian yang hadir.

**Kegemilangan Diraih, Melakarkan Nama,  
Nama Dilakar, Menjadi Sebutan,  
UniMAP Cemerlang, Usaha Bersama,  
Teruskan Bersatu, Serlahkan Keterlihatan.**

Sekian terima kasih. Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.